

16/11/2000

Kerajaan yakin usaha penyokong Anwar sia-sia

KERAJAAN yakin usaha penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama sebuah firma perhubungan awam antarabangsa, Janus Merrit Strategy (JMS), melobi Kongres Amerika bagi memberi tekanan ekonomi dan politik kepada negara, adalah sia-sia.

Ini kerana sehingga kini ramai ahli kongres berkenaan masih pro-Malaysia, begitu juga syarikat negara berkenaan yang terus melabur di negara ini.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad, berkata kebanyakan ahli kongres Amerika masih menyokong kerajaan kerana kebanyakan syarikat di kawasannya mempunyai kepentingan pelaburan di negara ini.

"Banyak syarikat Amerika mempunyai perniagaan di sini. Mereka beranggapan Malaysia berpotensi meningkatkan perniagaan mereka dan kerana itu mereka tidak mahu melepaskan peluang pelaburan itu," katanya ketika menggulung perbahasan Belanjawan 2001, di sini semalam.

Dr Toyad berkata, kerajaan amat memandang serius kegiatan antikerajaan itu kerana ia boleh menjejaskan imej Malaysia selain menggugat hubungan dua hala Malaysia-Amerika.

JMS bertanggungjawab memulihkan imej pelanggannya, sama ada daripada aspek politik dan ekonomi bagi memastikan Kongres Amerika meluluskan resolusi yang boleh memanfaatkan pelanggannya.

JMS diketuai dua pengarah iaitu Mark J Robertson dan Scott Hoffman manakala Omar Nashahibi, seorang warga Palestin bertindak sebagai penyelidik di firma itu.

Omar bertanggungjawab menganjurkan demonstrasi menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Chicago, baru-baru ini. Bekas ahli Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Raja Petra Kamaruddin sebelum ini dikatakan bekerja dengan JMS.

Campur tangan JMS dalam usaha penyokong Anwar memburukkan imej Malaysia bermula apabila mereka menandatangani perjanjian dengan firma itu pada 24 Ogos lalu.

Berikutan itu, katanya, JMS menganjurkan pelbagai program yang bertujuan memberi tekanan ekonomi dan politik kepada Malaysia.

Mengulas cadangan Datuk Mohd Zin Mohamed (BN-Shah Alam) supaya tindakan proaktif diambil bagi memastikan penyebaran maklumat yang tepat dan berkesan, Dr Leo berkata usaha itu sememangnya dilakukan membabitkan agensi, misi dan kedutaan Malaysia di luar negara.

"Kita tidak pernah menunggu Perdana Menteri untuk membuat penjelasan ini sebaliknya menggerakkan segala jentera berkaitan untuk menyebarkan maklumat ini," katanya.

(END)